



## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

ASWARA memerlukan kumpulan baru yang terdiri daripada individu yang dinamik, kreatif, inovatif, bermotivasi tinggi untuk bekerja dengan semangat berpasukan dan meminati serta menghargai bidang seni budaya dan warisan bagi merealisasikan misi dan visi penubuhan ASWARA.

Warganegara Malaysia yang mempunyai tahap keyakinan serta berintegriti tinggi, bersedia menghadapi cabaran untuk menyertai dunia pendidikan seni budaya dan warisan adalah dialu-alukan untuk mengisi jawatan berikut:-

BIL.	JAWATAN	GRED	KEPERLUAN BIDANG	TARAF JAWATAN
1	Pensyarah, Pegawai Kebudayaan Fakulti Teater	B43	Teater Kanak-Kanak, Pengurusan Teater, Teater Muzikal, Lakonan dan Pengajian Teater	Kontrak (Contract For Service)

### SYARAT-SYARAT:

#### 1. KRITERIA LANTIKAN

- Warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Memiliki pengetahuan yang mendalam dan pengalaman dalam bidang yang diperlukan mengikut jawatan yang dimohon;
- Memiliki kelayakan sekurang-kurangnya **Ijazah Sarjana** dalam bidang yang berkenaan dan diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- Mempunyai pengalaman mengajar untuk tempoh tidak kurang dari 5 tahun; dan
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik.

#### 2. TANGGUNGJAWAB/ TUGAS

- Bertanggungjawab melaksanakan tugas pensyarah bagi program pengajian yang ditawarkan di ASWARA merangkumi pengajaran, pembelajaran dan penyeliaan tesis, projek dan latihan praktik pelajar atau perkara-perkara yang berkaitan;
- Melaksanakan projek penyelidikan dalam bidang ilmu atau kepakaran masing-masing;
- Membuat penilaian keberkesanan pengajaran dan menyediakan alat bantu kuliah mengajar;
- Menjalankan kerja-kerja perundingan dan perkhidmatan masyarakat di luar atau dalam ASWARA mengikut peringkat-peringkat dalam bidang kepakaran.

### NOTA

Hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dihubungi untuk temu duga dan sekiranya anda tidak menerima sebarang maklum balas bagi tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan ini, sila ambil maklum bahawa permohonan anda adalah tidak berjaya dan kekosongan tersebut telah diisi.

### TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

### CARA MEMOHON

- Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Perjawatan ASWARA** yang boleh diperolehi dengan memuat turun borang tersebut di **laman Web ASWARA** iaitu [www.aswara.edu.my](http://www.aswara.edu.my)
- Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama salinan-salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Nilain Prestasi untuk tempoh 3 (tiga) tahun berturut-turut yang telah disahkan.
- Permohonan yang telah lengkap diisi perlu dikembalikan bersama-sama sekeping gambar terbaru berukuran passport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, salinan sijil-sijil persekolahan dan kelulusan, resume dan dokumen-dokumen sokongan serta sijil-sijil yang berkaitan perlu disahkan.**
- Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah ditulis pada sudut atas **sebelah kiri sampul surat nama jawatan yang dipohon** dan dihantar ke alamat seperti berikut:

Rektor  
Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)  
464, Jalan Tun Ismail,  
50480 KUALA LUMPUR.  
(u.p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)  
Tel: 03-2778 5939/5940/5936